

14/10/1998

Tingkat eksport papan lapis ke Eropah

Azhar Abu Samah

MALAYSIA perlu mendapatkan semula segmen eksport kayu papan lapisnya di Eropah, terutama Perancis, yang satu ketika dulu ia menguasai kira-kira lima peratus, dengan mengeksport semula kayu bergergaji bukan getah bermutu tinggi seperti meranti dan merbau.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata pengeluaran kayu papan lapis di Eropah kini begitu berkurangan dan permintaan ke atasnya amat tinggi.

"Pengusaha kilang papan tempatan perlu segera merebut peluang ini dan bukannya bersaing sesama sendiri di dalam negeri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Latihan Industri Perkayuan Terengganu (TTITC) di Kampung Teris, dekat Kuala Berang, Terengganu, semalam.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Haron Siraj, Pengerusi Majlis Kayu-Kayan Malaysia, Tunku Tan Sri Osman Ahmad dan Pengerusi TTITC, Datuk Dr Abdul Latif Awang.

Beliau berkata, pengusaha tempatan tidak perlu terlalu meniru reka bentuk perabot yang sudah dihasilkan negara lain, sebaliknya menggunakan kayu bermutu tinggi yang bukan kayu getah untuk menghasilkan produk mereka sehingga peringkat antarabangsa.

"Umpamanya, mereka boleh menghasilkan perabot luar rumah seperti kerangka tingkap dan kerangka pintu kayu keras bermutu tinggi yang kini mendapat permintaan tinggi di Eropah dan Jepun," katanya.

Katanya, berdasarkan kedudukan Terengganu masa kini, ia mampu mengeluarkan kayu keras yang diperlukan dan penubuhan TTITC sesuai untuk membantu usaha pembangunan industri pemprosesan kayu dan pengeluaran produk kayu termasuk perabot.

Dr Lim mengakui sektor perkayuan negara sudah mencapai kadar pertumbuhan yang pesat dan membanggakan menerusi peningkatan nilai eksport produknya yang mempunyai nilai-tambah.

"Pada 1997, eksport perabot meningkat kepada RM2.6 bilion dan dalam tempoh Januari hingga April tahun ini, nilai eksport perabot kayu dan rotan sudah melebihi RM948 juta yang kebanyakannya dihantar ke Amerika Syarikat dan Jepun," katanya.

Katanya, pengeksportan kayu kumai dan tanggam juga meningkat dan sehingga Jun tahun ini, sejumlah RM336 juta sudah dicapai dan dianggar ia akan mencecah angka RM1.3 bilion. Tahun lalu, ia hanya mencatatkan jualan RM782 juta.

Menurutnya, walaupun prestasi sektor pemprosesan hiliran menggalakkan, ia menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha meningkat dan mengekalkan kadar pertumbuhannya, terutama kedudukan bekalan bahan mentah yang berkurangan.

Dr Lim berkata, walaupun negara ini berjaya meningkatkan kadar nilai eksport perabot, sebahagian besar daripada eksport itu masih di segmen berharga rendah dan sederhana.

"Isu ini akan diberi perhatian oleh MTIB dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan agensi lain dengan memberi penekanan kepada usaha penyelidikan dan pembangunan berterusan.

"Malah, reka bentuk perabot dan komitmen yang tinggi untuk menghasilkan perabot jenama sendiri akan ditumpukan, selain menjalin kerjasama dengan syarikat asing, terutama pengimport," katanya.

Beliau yakin penubuhan Pusat Rekabentuk Perabot Malaysia (MFDC) yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan depan di Kuala Lumpur akan memainkan peranan utama meningkatkan nilai dan

memenuhi tuntutan kehendak pasaran perabot.
(END)